

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 30 SEPTEMBER 2019

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN • ISININ 30 SEPTEMBER 2019 33

**Sinar Negeri SELANGOR/KL**

## Sisa berbau pelarut jadi punca

**Buang sisa tidak dibenarkan punca LRA Sungai Semenyih ditutup 10 jam**

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

**T**indakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pembetungan dikenal pasti menjadi punca pencemaran bau yang menyebab

kan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup selama 10 jam kelmarin.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesan lokasi pembuangan sisa itu dan menjalankan siasatan ke atas sistem *manhole* (lurang) jaringan pemptung awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi di sini.

"Hasil siasatan mendapati satu lurang berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan Bandar Bukit Mahkota berkemungkinan menjadi lokasi kemasukan pelarut sebelum ke loji kumbahan milik Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)," katanya ketika dihubungi di sini semalam.



LOY SIAN

Loy Sian berkata, sisa pembuangan itu tidak dapat dirawat loji kumbahan hingga menyebabkan bau pelarut kuat daripada pelepasan efluen loji IWK yang mengalir ke Sungai Beraang sebelum ke Sungai Semenyih.

Menurutnya, pihaknya membuat pendosan karbon diaktifkan sebanyak 575 kilogram bagi mengatasi masalah pencemaran bau pada sekitar jam 3 pagi semalam di loji berkenaan.

"Kita berjaya menurunkan kadar bau kepada satu ton di pelepasan efluen loji.

"Hujan lebat pada malam semalam (kelmarin) dan awal pagi tadi (semalam) telah meningkatkan kadar pencairan sungai dan menyebabkan penurunan bau di Sungai Semenyih. Berikutan itu LRA Sungai Semenyih telah mula beroperasi sepenuhnya pada jam 4.30 pagi tadi (semalam)," katanya.

Menurutnya, LUAS bersama pihak terlibat sedang berusaha mengenal pasti pihak yang melakukan pencemaran itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu berkenaan.

"Pihak terbabit yang melakukan pencemaran ini boleh dikenakan hukuman berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pensampelan daripada Jabatan Kimia Malaysia," katanya.

Semalam Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dalam kenyataan berkata, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihentitugas sepenuhnya akibat pencemaran bau dengan bacaan lima ton di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Gangguan tidak berjangka itu menyebabkan sebanyak 204 kawasan melibatkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800